

09 FEB 1999

TIGA DEWAN PERNIAGAAN SOKONG PROJEK LEBUH RAYA DITERUSKAN

KUALA TERENGGANU, 9 Feb (Bernama) -- Dewan-dewan perniagaan di Terengganu menyokong penuh pembinaan lebuhraya Pantai Timur diteruskan bagi membuka negeri ini kepada masa depan ekonomi yang lebih cemerlang.

Sokongan itu terkandung dalam kenyataan bersama Dewan Perniaga Melayu Malaysia, Terengganu (DPMMT), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Terengganu (DPPCT) dan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Terengganu (DPPIT) yang dikeluarkan di sini hari ini.

Kenyataan itu menyebut bahawa pembinaan lebuhraya yang menghubungkan Cendering di sini dengan Karak di Pahang itu wajar diteruskan demi kepentingan masa depan ekonomi Terengganu.

"Terengganu merupakan negeri paling jauh dari Kuala Lumpur dan jika projek lebuhraya itu dapat diteruskan, ia akan mengurangkan tempoh masa perjalanan, sekali gus mampu menarik lebih banyak pelabur," katanya lagi.

Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad sebelum ini berkata, beliau dan Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam tempoh terdekat bagi membincangkan perkara tersebut.

Menurut Wan Mokhtar, status projek lebuhraya itu masih belum jelas walaupun ia dikatakan telah disenaraikan sebagai projek yang akan ditangguhkan.

Serentak dengan itu, ketiga-tiga dewan berkenaan turut melahirkan sokongan padu terhadap pendirian Wan Mokhtar mengenai kepentingan projek itu.

-- BERNAMA
AYB NMO